

PERCAYA PADA HARI KIAMAT TANDA KEIMANAN

Oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

لَا أُقْسِمُ بِيَوْمِ الْقِيَامَةِ ﴿١﴾ وَلَا أُقْسِمُ بِالنَّفْسِ اللَّوَّامَةِ ﴿٢﴾

(Surah Al-Qiamah, ayat 1-2)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ
وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ
اهْتَدَى بِهَدَاهُمْ عَلَى الدَّوَامِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

SAUDARA JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Marilah kita melaksanakan segala suruhan Allah SWT dan pada waktu yang sama meninggalkan segala perbuatan yang dilarang-Nya. Mudah-mudahan usaha kita mendaki anak-anak tangga keimanan menjadi insan yang muttaqin diterima Allah SWT, seterusnya beroleh balasan syurga.

Firman Allah SWT:

إِنَّ لِلْمُتَّقِينَ مَفَازًا ﴿٣١﴾ حَدَائِقَ وَأَعْنَابًا ﴿٣٢﴾ وَكَوَاعِبَ أَتْرَابًا ﴿٣٣﴾ وَكَأْسًا دِهَاقًا ﴿٣٤﴾

Maksudnya: "Sesungguhnya orang-orang yang bertaqwa, disediakan syurga tempat mereka beroleh apa yang mereka ingini. (Mereka akan beroleh) taman-taman bunga dan kebun-kebun buah-buahan, terutama anggur. Dan perawan-perawan yang sebaya umurnya Serta piala atau gelas yang penuh dengan minuman." (S. An-Naba': 31-34).

MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Nabi SAW telah memberi peringatan bahawa pada akhir zaman, sebahagian besar umat Islam akan dihidapi penyakit al-Wahn, iaitu cinta pada dunia dan takut mati. Buktinya telahpun ketara kini di mana ramai yang mengutamakan kemewahan dunia dengan berlumba-lumba mengumpulkan wang dan harta tanpa mempersoalkan halal haram sumbernya. Bagi mereka, peluang keemasan hidup di dunia ini meskipun hanya sementara, namun ia perlu direbut untuk mencapai kesenangan, kemewahan serta sanjungan manusia.

Lantaran itu, tidak ramai yang menyibukkan diri untuk membuat persediaan menghadapi mati dan hari akhirat. Hanya mereka yang benar-benar percaya dan beriman kepada hari kiamat sahaja yang akan melakukan persiapan menghadapi saat itu dengan memperbanyakkan amal soleh kerana sedar bahawa segala amalan di dunia akan dihisab dan diberi balasan pada Hari Akhirat. Ini bertepatan dengan apa yang ditegaskan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

يَوْمَ تَجِدُ كُلُّ نَفْسٍ مَّا عَمِلَتْ مِنْ خَيْرٍ مُّحْضَرًا وَمَا عَمِلَتْ مِنْ سُوءٍ تَوَدُّ لَوْ أَنَّ بَيْنَهَا وَبَيْنَهُ أَمَدًا بَعِيدًا
وَيُحَذِّرُكُمُ اللَّهُ نَفْسَهُ وَاللَّهُ رَءُوفٌ بِالْعِبَادِ ﴿٣٠﴾

Yang bermaksud: “(Ingatlah) Hari (kiamat yang ada padanya) tiap-tiap seorang akan mendapat apa sahaja kebaikan yang telah dikerjakannya sedia (dibentangkan kepadanya dalam surat-surat amalnya); dan demikian juga apa sahaja kejahatan yang telah dikerjakannya. (ketika itu tiap-tiap orang yang bersalah) ingin kalau ada jarak yang jauh di antaranya dengan amalnya yang jahat itu. Dan Allah perintahkan supaya kamu beringat-ingat terhadap kekuasaan diri-Nya (menyiksa kamu). Dan (ingatlah juga), Allah amat belas kasihan kepada hamba-hamba-Nya.” (S. Ali-Imraan: 30).

Dengan hal yang demikian, kita semua hendaklah memperkukuhkan keimanan kita kepada Allah SWT dan hari akhirat supaya tidak dilalaikan dan diperdayakan oleh kemewahan serta kesenangan dunia yang bersifat sementara. Sebaiknya, gunakanlah kemewahan serta kesenangan yang dinikmati itu untuk mencapai kebahagiaan yang kekal abadi di akhirat melalui pelaksanaan ibadat wajib dan sunat termasuk sedekah dan berinfaq di jalan Allah SWT.

HADIRIN JEMAAH YANG MULIA,

Sesungguhnya soal kiamat merupakan hal ghaib yang wajib dipercayai dan diimani oleh setiap Muslim. Tarikh berlakunya pula hanya menjadi rahsia Allah yang Maha Mengetahui dan Maha Berkuasa. Ini sebagaimana firman Allah SWT:

يَسْأَلُكَ النَّاسُ عَنِ السَّاعَةِ قُلْ إِنَّمَا عِلْمُهَا عِنْدَ اللَّهِ وَمَا يُدْرِيكَ لَعَلَّ السَّاعَةَ تَكُونُ قَرِيبًا ﴿٦٣﴾

Yang bermaksud: “Manusia bertanya kepadamu (wahai Muhammad) tentang kedatangan hari kiamat; Katakanlah: “Sesungguhnya pengetahuan mengenainya hanyalah ada disisi Allah”. Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui? Boleh jadi masa datangnya tidak lama lagi.” (S. Al-Ahzab: 63).

Walaupun hari kiamat itu adalah rahsia Allah SWT, namun sejak dulu lagi telah timbul ramalan tarik berlakunya hari yang amat dahsyat itu. Sebelum ini misalnya, dunia disogokkan dengan kepercayaan bahawa kiamat akan berlaku pada 21 Disember 2012 berdasarkan kepada kalendar suku Maya yang dijumpai di bawah runtuhannya di Mexico. Ia disensasikan lagi dengan pembikinan filem 2012 yang memaparkan kemusnahan alam maya dengan tsunami setinggi Everest, gempa yang membelah bumi dan letusan gunung berapi.

Filem itu sempat meraih perhatian dan menggerunkan mereka yang menontonnya, tetapi ternyata kiamat tidak berlaku pada tarikh yang dimaksudkan. Kini kita sudah berada di penghujung tahun 2015M, kiamat masih belum berlaku. Ia jelas membuktikan bahawa manusia meskipun dibekalkan dengan ilmu pengetahuan serta peralatan dan teknologi yang canggih tidak akan mampu meramal dengan tepat saat terjadinya kiamat.

SAUDARA MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Sebagai tanda kasih sayang Allah SWT terhadap hambanya yang memang kuat sifat ingin tahunya, Allah SWT menunjukkan tanda-tanda kiamat yang kecil dan yang besar. Dengan adanya tanda-tanda berkenaan, kita boleh mengambil iktibar daripadanya sekali gus mempersiapkan diri untuk menghadapi saat yang pasti datang itu.

Dalam Hadithnya, Rasulullah SAW menjelaskan beberapa tanda KIAMAT KECIL. Sebahagian besar daripadanya sudahpun berlaku dan dapat kita lihat hari ini. Antaranya adalah seperti berikut:

1. Penaklukan Baitulmuqaddis.
2. Berleluasanya zina.
3. Nyanyian dan muzik berleluasa.
4. Memperindah masjid dan bermegah dengannya.
5. Munculnya kekejian, memutuskan silaturahim dan hubungan tidak baik dengan tetangga.
6. Tercabutnya ilmu dengan kematian para ulama dan orang soleh.
7. Orang hina mendapat kedudukan terhormat.
8. Mengucapkan salam kepada orang yang dikenal sahaja.
9. Banyak wanita yang berpakaian tetapi hakikatnya telanjang.
10. Bulan sabit kelihatan besar.
11. Banyak pendusta.
12. Banyak saksi palsu dan menyimpan kesaksian yang benar.
13. Negara Arab menjadi padang rumput dan sungai.

PARA JEMAAH JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Sebagaimana Hadith Imam Muslim daripada Huzaifah bin Asid al Ghiffari, terdapat sepuluh tanda besar kiamat. Huzaifah bin Asid al Ghiffari berkata, maksudnya: *"Nabi SAW datang kepada kami sedang kami berbincang lalu bertanya: Apa yang kalian bicarakan. Mereka menjawab: Kami sedang membicarakan kiamat. Lalu Baginda berkata: Sesungguhnya ia (kiamat) tidak akan terjadi hingga kalian lihat sepuluh tanda sebelumnya.*

Kemudian Baginda menyebut asap, dajjal, binatang, terbitnya matahari dari barat, turunnya Nabi Isa bin Maryam, Ya'juj dan Ma'juj, tiga gempa bumi (di Timur, Barat dan Arab) dan yang terakhirnya adalah api keluar dari Yaman yang mengiring manusia ke tempat mereka berkumpul."

Menyentuh mengenai permulaan yang muncul dari tanda kiamat besar tersebut, Ibnu Hajar berkata: *"Yang kuat dari sejumlah berita tanda-tanda kiamat, bahawa keluarnya Dajjal adalah awal dari tanda-tanda kiamat besar dengan terjadinya perubahan secara menyeluruh di muka bumi. Dan diakhiri dengan wafatnya Isa a.s."*

"Sedangkan terbitnya matahari dari Barat adalah awal dari tanda-tanda kiamat besar yang mengakibatkan perubahan keadaan langit. Dan berakhir dengan terjadinya kiamat".

Jelas Ibnu Hajar lagi, *"Hikmah dari kejadian ini bahwa ketika terbit matahari dari barat, maka tertutuplah pintu taubat".*

KAUM MUSLIMIN SEKALIAN,

Kendati tanda-tanda besar akan berlakunya kiamat belum kelihatan lagi, namun ia bukanlah alasan untuk melambat-lambatkan usaha melakukan persediaan menghadapi hari akhirat itu. Kita semua harus sedar bahawa ajal tidak mengenal tua ataupun muda, sakit ataupun sihat. Yang pasti, apabila ajal seseorang itu tiba, ia tidak dapat dipercepatkan ataupun ditangguhkan lagi.

Sebab itu, Rasulullah SAW menganjurkan kita supaya tidak bertanggung dalam mengerjakan amal-amal yang soleh sebagaimana sabdanya yang bermaksud: “Bersegeralah kamu mengerjakan amal yang soleh, kerana akan berlaku fitnah seperti malam yang sangat gelita. Di dalam keadaan itu terdapat orang yang di sebelah paginya mukmin dan sebelah petangnya kafir, begitulah (sebaliknya) sebelah petang dia mukmin dan sebelah pagi kafir dia menjual agamanya dengan kepentingan dunia yang sedikit.” (HR Al-Bukhari).

Oleh hal yang demikian, gunakan kesempatan yang masih diberi agar tidak menyesal kerana sesungguhnya masa yang berlalu tidak akan kembali. Jadi, ingat lima perkara sebelum lima perkara, iaitu sihat sebelum sakit, muda sebelum tua, kaya sebelum miskin, lapang sebelum sempit dan hidup sebelum mati.

Ini penting kita ambil perhatian kerana mati dan kiamat pasti dihadapi oleh setiap makhluk beryawa ciptaan Allah SWT. Pada hari kiamat nanti Allah SWT akan menyempurnakan balasan bagi setiap manusia menurut amal masing-masing sebagaimana firman-Nya:

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ وَإِنَّمَا تُوَفَّقُونَ أُجُورَكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَمَنْ زُحِرَ عَنِ النَّارِ وَأُدْخِلَ الْجَنَّةَ فَقَدْ فَازَ وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا مَتَاعُ الْغُرُورِ ﴿١٧٥﴾

Yang bermaksud: “Tiap-tiap yang beryawa akan merasai mati, dan bahawasanya pada hari kiamat sahajalah akan disempurnakan balasan kamu. Ketika itu sesiapa yang dijauhkan dari neraka dan dimasukkan ke syurga maka sesungguhnya dia telah Berjaya. Dan (ingatlah bahawa) kehidupan di dunia ini (meliputi segala kemewahannya dan pangkat kebesarannya) tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang yang terpedaya.” (S. Ali-Imraan: 185).

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ وَاسْتَغْفِرُ اللَّهُ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ



Diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah